

MEROBAH IDEA MENJADI REALITI!

PROF DATUK DR MOHD HAFIZUZ ABDULLAH

PENGADANG KES-10



PESERTA program Integrity Hunt merakamkan gambar kenangan.

Program *Integrity Hunt* anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS

UB 8.3.2018 B2

KOTA KINABALU:
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
dan Alumni mengadakan
Program *Integrity Hunt*.

Program ini adalah program yang dianjurkan oleh Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah (SPRM UMS) yang melibatkan penyertaan daripada mahasiswa dan alumnus Universiti Malaysia Sabah.

Program ini dijalankan pada 3 Mac 2018 bertempat di Sekitar Universiti Malaysia Sabah. Terdapat 7 *checkpoint* dan tempat yang digunakan dalam Program *Integrity Hunt* ini antaranya ialah Anjung Siswa, Perpustakaan, dataran Canselor dan juga sekitar fakulti.

Antara pengisian program di setiap *checkpoint*, peserta diuji dengan ujian yang melibatkan minda, kecergasan fizikal dan juga mental.

Program ini dijalankan bagi mencapai objektif

iaitu mendedahkan info berkaitan rasuah melalui aktiviti-aktiviti dan tugas yang diberikan di setiap *checkpoint*.

Di samping itu, di akhir program ini semua peserta dapat mengetahui sedikit sebanyak pengetahuan berkaitan sejarah penubuhan SPRM dan SPR UMS serta mengetahui tentang bahayanya rasuah ini agar tidak diamalkan dalam kehidupan dalam kampus maupun di alam pekerjaan kelak.

Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof Dr Ismail Ali berkata dengan penganjuran program itu, SPR UMS berharap dapat mengajurkan lagi program seperti ini pada masa akan datang dan melibatkan mahasiswa sebagai sasaran.

Beliau berharap semua mahasiswa menyedari kepentingan pencegahan rasuah dan bahaya rasuah



PENYELARAS SPRM UMS ketika berucap pada program itu.

dalam kehidupan serta bersama-sama membanteras rasuah dan menjadimahasiswa yang berintegriti selaras dengan tema program ini iaitu, Mahasiswa Bersatu, Integriti Padu.

Penyelaras SPRM UMS, Ahirunnisham Ahmad dalam ucapannya berkata, program-seperti ini perlu dan seharusnya disertai oleh semua mahasiswa pada masa lapang agar dapat mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah.

Di samping itu, beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua

peserta yang terlibat dan juga mengucapkan syabas kepada semua Ahli jawatankuasa program kerana berjaya menganjurkan program seperti ini.

“Selain itu, program ini turut menerima respon dan maklumbalas yang positif daripada semua peserta di mana mereka berharap bahawa program seperti ini perlu dianjurkan lagi pada masa akan datang kerana bukan sahaja aktiviti ini menarik bahkan juga memberikan pengetahuan kepada mereka,” katanya lagi.